

# “YOUTUBE” DAN GENERASI MUDA ISLAM: SATU PENDEKATAN KELOMPOK FOKUS DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

NORIZAH ARIPIIN  
AWAN ISMAIL  
MOHD SOBHI ISHAK  
NIK ADZRIEMAN ABDUL RAHMAN  
MOHD NIZHO ABDUL RAHMAN  
MOT MADON  
MOHD FAISAL MUSTAFFA

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

## **Abstrak**

Kehadiran “YouTube” hari ini memberikan ruang generasi muda Islam mencari maklumat agama dalam “YouTube”. Pencarian maklumat ini memberi persepsi kepercayaan yang berlainan kepada generasi muda ini terutama kelahiran maklumat ‘Ustaz YouTube’ yang menyampaikan maklumat agama yang tidak pasti kesahihan maklumat tersebut. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti jenis maklumat agama yang dilayari dalam “YouTube” dan mengenal pasti persepsi kepercayaan “YouTube” sebagai sumber maklumat agama. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Pendekatan yang digunakan adalah temubual kumpulan fokus terhadap empat kumpulan yang terdiri daripada 31 pelajar Universiti Utara Malaysia beretnik Melayu dan beragama Islam serta mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan agama. Soalan yang dikemukakan kepada pelajar berbentuk soalan terbuka dan analisis kajian ini menggunakan analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa lapan informan sesi 1 melayari “YouTube” maklumat agama Islam berkaitan hukum-hukum dalam Islam, ceramah, tokoh-tokoh Islam, isu-isu semasa, solat dan tanda-tanda kiamat. Empat informan sesi 2 melayari “YouTube” berkaitan maklumat ceramah, zikir dan solat. Informan sesi 3 pula selalu melayari “YouTube” berkaitan sejarah Islam termasuk kisah-kisah nabi, isu-isu semasa, hukum-hukum dalam Islam, ceramah dan soal jawab agama di samping bahan-bahan mirip berbentuk hiburan seperti nasyid dan kartun berunsurkan Islamik. Tujuh informan sesi 4 melayari “YouTube” mencari maklumat hukum-hukum dalam islam, tajwid al-quran, motivasi, ceramah, isu-su semasa, ilmu perbandingan agama, zikir, di samping bahan-bahan mirip berbentuk hiburan seperti nasyid berunsurkan Islamik. Majoriti informan setiap sesi kumpulan fokus melayari maklumat agama berbentuk pendidikan dan hiburan. Dari segi kepercayaan “YouTube” sebagai sumber maklumat agama, rata-rata informan setiap sesi kumpulan fokus menyatakan bahawa rujukan guru agama yang mempunyai pendidikan agama, kredibiliti penceramah agama menyampaikan mesej agama dan penyelidikan atau kajian mendalam kandungan maklumat tersebut adalah asas penting untuk memastikan kesahihan maklumat agama di “YouTube”.

***Kata kunci:*** “YouTube”, jenis maklumat agama, kepercayaan dan generasi muda Islam

## “YOUTUBE” AND THE YOUNG MUSLIM GENERATION: A FOCUS GROUP APPROACH AMONG UNIVERSITY STUDENTS

### **Abstract**

The presence of “YouTube” today provides space for young Muslims seeking religious information in “YouTube”. This information search provides different beliefs perception to the younger generation, especially with the emergence of ‘Ustaz YouTube’ that delivers religious information that cannot verify the validity of the information. The objective of this paper is to identify the types of religious information navigated in the “YouTube” and to identify the belief perception of “YouTube” as the source of religious information. This is a qualitative study using focus group interviews with four groups of 31 students from Universiti Utara Malaysia, Muslim Malay ethnic as well as a variety of educational backgrounds. Questions posed to students in the form of open-ended questions and analysis of this study using thematic analysis. The study found that eight informants in first session surf “YouTube” on Islam-related information on Islamic law, lectures, prominent Islamic leaders, current issues, prayers and signs of the apocalypse. In the second phase, four informants surf “YouTube” on Islamic related lecture, *zikir* and *solat*. Meanwhile the third session informants surf “YouTube” to seek information on the history of Islam, including the history of the prophets, current issues, the laws of Islam, lecture and question and answer session, apart from having religious materials such as nasheed and Islamic oriented cartoon. Seven informants from the fourth session surf “YouTube” to seek information relating to the laws of Islam, al-Quran recitation, motivation, lectures that address current issues, comparative religion, *zikir*, and nasyid. The majority of the informants browse “Youtube” to seek religious information in the form of education and entertainment. In terms of belief that “YouTube” is a source of religious information, the informants of each focus group sessions assert that religious teachers should have strong religious education and have the credibility to be religious speakers should be an important basis to ensure that “YouTube” disseminate credible religious information.

**Keywords:** “YouTube”, types of information religion, belief, Muslim youth

### **Pengenalan**

Lambakan media massa berbentuk hiburan di laman YouTube berkembang dengan pesat. Kebanjiran rancangan berbentuk hiburan yang bukannya berunsur keagamaan telah membawa nilai-nilai budaya baru seperti Hollywood dan Bollywood. Menurut Datuk Hassan Din al-Hafiz (2010), rancangan hiburan sebegini lebih menjerus kepada kerosakan akhlak, dan tahap pengetahuan generasi muda Islam yang sederhana terhadap maklumat keagamaan seperti lima rukun agama Islam (mengucap dua kalimah syahadat, sembahyang lima waktu, berpuasa sebulan

dalam bulan Ramadhan, menunaikan haji ke Baitullah [Mekah], dan menunaikan zakat) kerana leka dengan muzik yang melalaikan. Terdapat generasi muda yang tidak mengetahui tatacara lima rukun Islam ini kerana kurangnya pengetahuan mengenai tatacara tersebut. Didikan agama yang kurang daripada ibu bapa menyebabkan generasi muda cetek dengan pengetahuan lima rukun Islam ini. Kecetekan maklumat keagamaan ini bukan sahaja di kalangan remaja sekolah malahan turut melibatkan masyarakat kampus yang rata-rata terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi yang merupakan golongan intelektual dan cerdik pandai (Baharin Mesir, Aminatuzuhanariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman & Norsamsiah Muhammad@Wahab, 2008).

Pada era teknologi digital, YouTube telah menjadi elemen penting dari segi penggunaannya bukan sahaja untuk mendapatkan hiburan tetapi maklumat yang memperkayakan pengetahuan generasi muda. Menurut Meyerson (2010), sejumlah 72 jam durasi video telah dimuat naik di YouTube setiap minit. YouTube bukan sahaja menyediakan kemudahan kepada generasi muda untuk mendapatkan maklumat tetapi ia mendorong mereka untuk menyumbang dan, berkongsi idea mereka. Selain itu, generasi muda menggunakan YouTube sebagai salah satu rujukan atau tutorial untuk mendapatkan informasi. Pencarian penyelidik pada bulan 29 April 2016 mengenai beberapa maklumat asas Rukun Islam dalam YouTube menggunakan katakunci 'syahadah' (30,700 video), 'solat' (357,000 video), "Puasa" (438,000 video), zakat (178,000 video), dan Haji (1,430,000 video). Carian mudah ini menggambarkan bahawa ruang YouTube boleh dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan agama dengan mudah kepada generasi muda Islam masa kini.

Kajian yang dijalankan oleh Umar Halim dan Samsudin A. Rahim (2011) mengenai pengenalpastian akses dan penggunaan e-agama sebagai fenomena penglibatan digital dalam kalangan generasi Muslim dengan melibatkan 392 generasi Muslim di Jakarta, Indonesia. Hasil kajian menunjukkan responden memiliki akses Internet sama ada di rumah, lingkungan tempat kerja atau belajar, dan di warung yang menyediakan fasiliti Internet. Hasil kajiannya juga mendapati bahawa akses Internet dalam kalangan generasi muda adalah tinggi, dan sebanyak 93 peratus responden telah memanfaatkan Internet untuk melayari laman web e-agama. Faktor yang menyokong generasi muda Muslim melayari laman web e-agama adalah motivasi teknologi. Manakala latar pendidikan agama, motivasi mental dan motivasi persekitaran tidak menjadi faktor yang mempengaruhi penggunaan e-agama. Kajian ini juga mendapati bahawa mereka yang kerap mengakses e-agama, secara signifikan akan dapat mencari maklumat berkaitan dengan isu Islam seperti hukum, menunaikan haji dan umrah, isu-isu semasa dalam Islam dan dunia Muslim, sejarah Nabi dan mendapatkan nasihat mengenai jodoh dan tafsiran hukum Islam.

Sejarah YouTube diperkenalkan di Malaysia pada 22 Mac 2012 dan pengguna menonoton YouTube lebih 1 juta dengan purata penggunaannya 20 minit sehari (AmanzTV, 2012). Menurut Iovino (2011) terdapat kelebihan penggunaan YouTube, namun masih terdapat persoalan yang tidak terjawab mengenai cara generasi muda menggunakan teknologi ini. Walaupun YouTube bukanlah satu fenomena baharu, tetapi kebelakangan ini teknologi tersebut mendapat perhatian dari generasi muda. Sebagai media komunikasi baharu, teknologi YouTube mengintegrasikan pelbagai bentuk perkhidmatan dan menjanjikan keselesaan kepada penggunanya untuk menyalurkan informasi yang dikehendaki. Tambahan pula, perkhidmatan YouTube

membenarkan generasi muda untuk berkomunikasi dengan sesiapa sahaja, dan memberikan komen. Malah maklumat agama seperti kemunculan ‘ustaz YouTube’ (penceramah tanpa tauliah) menjadi fenomena hari ini yang belum pasti kepercayaan dan kesahihan sumber maklumatnya yang mungkin akan menjejaskan pemahaman akidah umat Islam. Menurut Sinar Online (29 Disember 2015) ‘ustaz YouTube’ (penceramah tanpa tauliah) dipantau oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menyekat video yang bercanggah dengan aliran akidah Ahlul-sunnah Wal Jamaah dan membanteras gerakan dan aktiviti yang boleh menjejaskan kesucian aqidah dan keharmonian hidup umat Islam di negara ini.

Kredibiliti sumber maklumat sangat penting dalam memastikan maklumat yang disebarkan boleh dipercayai oleh umat Islam. Sumber asas bagi agama Islam ialah al-Quran dan hadis. Al-Qardawi (2000) (dipetik daripada Siti Rokiah Ab Rahman dan Fadzli Adam (2015) menyatakan bahawa sumber ini merupakan sumber yang sahih dan menjadi rujukan utama bagi umat Islam dalam mencapai keharmonian hidup dan menuju ke jalan yang benar. Allah telah berfirman dengan jelas dalam surah al-Hujurat ayat 6 mengenai kredibiliti maklumat.

“Wahai orang-orang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”

Ayat tersebut menuntut agar umat Islam menyelidik terlebih dahulu sumber maklumat sesuatu berita yang diterima bagi menentukan kesahihannya demi menjaga kemaslahatan umat. Ini

kerana terdapat pihak tertentu yang cuba menggunakan nama Islam untuk menyeleweng maklumat. Melalui dunia tanpa sempadan *borderless world* segala bentuk maklumat sama ada yang sah atau salah boleh sampai kepada orang ramai. Sebagai contoh, dengan hanya berpandukan internet untuk membuat rujukan berkenaan ayat-ayat al-Quran, kemungkinan akan berlaku kesalahan fakta seperti ayat dari versi Israeliyat (Syed Muhammad Dawilah & Mohd Lutfi, 2009). Dalam erti kata lain, individu perlu merujuk kepada sumber asal iaitu al-Quran dan hadis bagi mengesahkan maklumat dan mengelakkan kekeliruan.

Perkembangan teknologi telah mengubah kredibiliti media itu sendiri. Pergantungan dan kepercayaan khalayak terhadap media atas talian, boleh dianggap bahawa penilaian kredibiliti media akan meningkat dan penyertaan pendapat khalayak (Azmah Ab Wahab & Samsudin A. Rahim, 2013). Ini kerana media atas talian mempunyai pelbagai latar belakang khalayak. Misalnya media blog bukan sahaja terbatas kepada ahli politik atau wartawan amatir, tetapi juga bagi kalangan remaja yang beranggapan blog sebagai saluran menyuarakan pendapat serta berkomunikasi antara satu sama lain. Lambakan maklumat dalam talian ditambah dengan kebergantungan terhadap Internet dalam kalangan pencari maklumat, telah menimbulkan isu kredibiliti atau kualiti pemblog (Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa, 2012).

YouTube adalah media atas talian yang digunakan oleh generasi muda Islam untuk mencari maklumat agama. Secara ringkasnya, penggunaan YouTube masih baharu dan memerlukan kajian mengenainya dijalankan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menjawab dua persoalan kajian iaitu 1) bagaimanakah jenis maklumat agama yang dilayari dalam YouTube oleh generasi muda Islam? dan 2) bagaimanakah persepsi generasi muda Islam terhadap kepercayaan YouTube

sebagai sumber maklumat agama? Manakala objektif kajian adalah untuk 1) mengenal pasti jenis maklumat agama yang dilayari dalam YouTube oleh generasi muda Islam dan 2) mengenal pasti persepsi kepercayaan YouTube sebagai sumber maklumat agama.

### **Metodologi Kualitatif – Temubual Kumpulan Fokus**

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menggunakan pendekatan fenomenologi. Ia bertujuan mendapatkan maklumbalas dan penjelasan serta memahami sesuatu fenomena. Pendekatan ini juga mampu memberikan penerangan, pentafsiran dan menyediakan kefahaman yang luas tentang sesuatu fenomena selain memperkenalkan bentuk tema dan kategori, serta mampu menyediakan keterangan yang terperinci tentang perkara yang dikaji (Meriam, 1998).

Teknik pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini ialah temubual bersemuka dengan menggunakan soalan terbuka. Temubual bersemuka ialah salah satu daripada pengumpulan data yang dilakukan dengan menemubual secara langsung responden yang dipilih sebagai subjek kajian (Rohana Yusof, 2004). Dalam kajian ini, temubual bersemuka secara kumpulan fokus yang melibatkan 31 pelajar Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai program yang beragama Islam. Pelajar-pelajar ini diperolehi dengan bantuan dan kerjasama daripada pensyarah yang mencari dan menghebahkan maklumat kajian ini kepada mereka di dalam kelas. Setelah pensyarah menerangkan matlamat kajian ini pelajar tersebut terlibat secara sukarela menyertai kajian ini.

Temubual ini dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut umur, jantina, latar belakang pendidikan dan program pengajian. Sesi kumpulan 1 mewakili 8 pelajar perempuan dan sesi

kumpulan 2 mewakili 8 pelajar lelaki. Sesi kumpulan 3 mewakili 7 pelajar lelaki dan sesi kumpulan 4 pula mewakili 8 pelajar perempuan. Dari segi umur, kesemua 31 informan berumur sekitar antara 20 tahun hingga 25 tahun. Dari segi tahap pendidikan (kemasukan universiti) pula, 10 informan mempunyai kelayakan matrikulasi, 9 informan berpendidikan STPM, manakala 7 informan berpendidikan STAM dan 5 informan berpendidikan Diploma. Dari segi program pengajian seramai 8 informan mengikuti pengajian kewangan dan perbankan Islam, 4 informan pengajian pentadbiran muamalat, 3 informan pengajian perakaunan, 3 informan pengajian undang-undang, 2 informan pengajian sains pemutusan, 2 informan pengajian teknologi media, 2 informan pengajian pengurusan awam, dan pengajian lain seperti statistik industri, pendidikan (teknologi maklumat), kewangan, perniagaan antarabangsa, kaunseling, pengurusan pelancongan dan pentadbiran perniagaan masing-masing mewakili seorang informan. Kesemua informan berada dalam tahun pengajian antara tahun pertama hingga tahun keempat.

Bagi menentukan kebolehpercayaan data kualitatif, lembaran maklumat dan borang kebenaran penyertaan projek penyelidikan diedarkan kepada 31 informan. Dokumen ini diedarkan kepada informan bertujuan untuk memaklumkan persetujuan mereka menyertai penyelidikan ini. Borang ini memaklumkan segala maklumat yang dibincangkan dirakamkan menggunakan rakaman video dan audio digital, informan memberikan maklumat yang tepat dan maklumat yang diperolehi digunakan semata-mata penyelidikan ini dan dimuatkan dalam laporan penyelidikan. 31 informan menandatangani borang tersebut dan mereka bersetuju dengan syarat borang ini.

Selain itu, kaedah kebolehpercayaan koder bebas dilakukan dalam kajian ini. Perkhidmatan dua koder bebas digunakan untuk mengenalpasti dimensi-dimensi atau kategori (Hassan; 2008;

Ghazali, 2005; Flick, 2002). Penyelidik dikehendaki membuat kod ke atas setiap tema atau kategori dan diberikan kepada dua orang penyemak. Kedua-dua koder bebas tersebut dibekalkan dengan satu salinan garis panduan mengekod berserta jadual kod yang mencukupi. Kedua-dua pengekod tersebut mestilah sepakat dalam memahami kod dan maksud tema atau katogeri tersebut (Ghazali, 2005). Sekiranya tema-tema yang wujud tidak banyak berbeza dengan tema yang dikemukakan oleh penyelidik, ini bermakna interpretasi penyelidik terhadap tema-tema yang wujud hasil dari perbincangan fokus ini adalah baik. Selain itu, kebolehpercayaan data-data kualitatif boleh dibuat jika deskripsi (transkripsi) yang terhasil disemak oleh dua koder bebas yang berwibawa. Sekurang-kurangnya 2/3 daripada data perlu disemak dan dipersetujui oleh mereka. Oleh itu, dua koder bebas yang berwibawa perlu dilantik bagi tujuan ini (Ghazali, 2005). Dalam kajian ini, dua koder bebas dilantik dan terdiri daripada ahli agama dan media yang pakar dalam bidang kajian ini.

Dalam kajian ini, temubual menggunakan seorang pemudah cara untuk perbincangan. Temubual juga dirakam dalam pita rakaman MP3 dan rakaman video. Temubual diadakan pada 25 Februari 2014 (2 sesi) dan 4 Mac 2014 (2 sesi). Lokasi pengumpulan data diadakan di Bilik Diskusi, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Jangka masa temubual bagi sesi kumpulan fokus ini ialah antara dua sehingga tiga jam. Soalan terbuka ditanya kepada informan seperti berikut:

- i. Adakah anda percaya/yakin dengan maklumat berkaitan Islam di Youtube?
- ii. Adakah anda menerima/menolak maklumat berkaitan Islam di Youtube?

Jika Ya, apakah alasan yang boleh anda berikan? Jika Tidak, apakah alasan yang boleh anda berikan?

Informan juga dikehendaki menyenaraikan lima jenis maklumat keagamaan yang pernah mereka layari YouTube di dalam kertas jawapan. Temubual ini direkodkan dalam pita rakaman dan ditranskripikan perkataan demi perkataan. Data kemudiannya dianalisa menggunakan kaedah analisis tematik.

### **Analisis Data dan Perbincangan**

Kesemua informan bagi setiap sesi mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Bagi sesi 1, 2 dan 3, latar belakang pendidikan informan bercampur iaitu pernah bersekolah agama dan tidak pernah bersekolah agama (sekolah biasa). Manakala informan bagi sesi 4, kesemua informan pernah bersekolah agama. Dari segi latar belakang pendidikan agama ahli keluarga, sebahagian ahli keluarga informan mempunyai pendidikan sekolah agama dan sebahagian lagi mendapat pendedahan tentang agama Islam melalui ahli keluarga (bapa, datuk, nenek), ceramah-ceramah di masjid atau surau, kelas agama dan medium elektronik (radio atau televisyen).

Kefahaman di antara informan yang mempunyai latar belakang pendidikan agama berbeza dengan informan yang tidak berlatar belakang pendidikan agama. Ini kerana informan yang mempunyai latar pendidikan agama lebih mendalam kefahamannya berkaitan dengan agama.

Sebagai mana firman Allah SWT

“Katakanlah (wahai Muhammad) apakah sama orang-orang yang mengetahui dan orang-orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran. (Az Zumar: 9)”.

Informan juga mempunyai ahli keluarga yang lain seperti ibu, ayah dan datuk yang mempunyai kefahaman agama dan ianya memberikan kesan kepada informan. Setiap insan akan terikut dengan orang yang terdekat ataupun orang yang berada disekelilingnya. Sebagaimana sabda Nabi SAW :

“Seseorang itu adalah mengikut agama temannya, oleh itu hendaklah seseorang itu meneliti siapa yang menjadi temannya.” (Hadis riwayat Abu Daud).

Menurut ilmuan Islam, manusia itu di atas agama pemimpin mereka. (Ibn Kathir : 2013)

Penerangan profil informan setiap sesi boleh dirujuk pada Jadual 1.1.

**JADUAL 1.1 SEKSYEN A - LATAR BELAKANG INFORMAN**

| S/I | S1  | S2  | S3  | S4   | Coding  |
|-----|---|---|---|--|---|
| 1   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Empat (4) informan tidak pernah bersekolah agama dan empat (4) mempunyai pendidikan dari sekolah agama.</li> <li>Dua (2) daripada informan mendapat pendidikan dari KUIS.</li> <li>Kebanyakan ahli keluarga (adik beradik) informan tidak mendapat pendidikan di sekolah agama tetapi mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan sahaja.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Hanya dua daripada lapan informan dari latarbelakang <b>sekolah agama</b>.</li> <li>Sebahagian ahli keluarga informan mendapat <b>pendedahan tentang agama islam</b> melalui ceramah di masjid-masjid dan medium-medium elektronik.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>4 orang informan pernah bersekolah agama dan 3 orang sekolah biasa.</li> <li>4 daripada keluarga informan bersekolah agama dan 3 lagi mendapat pendidikan agama di sekolah biasa.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Lapan (8) informan pernah bersekolah agama. Kebanyakan ahli keluarga (adik beradik dan ibu) mendapat pendidikan sekolah agama.</li> <li>Dua (2) daripada informan menyatakan bapa mereka adalah ustaz.</li> <li>Tiga (3) informan menyatakan ahli keluarga (ibu, ayah, abang dan kakak) mendapat pendidikan tidak formal agama dari ahli keluarga lain seperti datuk dan nenek.</li> <li>Seorang (1) informan menyatakan ibu mendengar ceramah di surau dan bapa pergi ke kelas agama pada hujung minggu. Seorang informan (1) pula menyatakan ibubapanya mendapat pendidikan tidak formal agama melalui ceramah di surau atau radio.</li> <li>Terdapat seorang informan (1) menyatakan ibunya tidak pernah mendapat pendidikan agama dan seorang informan (1) lagi menyatakan bapanya tidak pernah mendapat pendidikan agama.</li> </ul> | <p>Latar belakang informan</p> <p>Lelaki 15 orang;<br/>Perempuan 16 orang</p> |

## **Jenis Maklumat Agama Yang Dilayari Dalam YouTube**

Objektif kajian pertama adalah mengenal pasti jenis maklumat agama yang dilayari dalam YouTube.

- a. Kesemua informan sesi 1, 3 dan 4 menyatakan bahawa mereka pernah melayari YouTube untuk tujuan keagamaan. Manakala enam (6) informan sesi 2 tidak menjadikan YouTube sebagai medium mendapatkan ilmu islam manakala dua (2) informan sesi 2 menyatakan bahawa penggunaan medium YouTube dibolehkan setelah mendapat rujukan dari ustaz.
- b. Kesemua informan sesi 1, 3 dan 4 melayari YouTube untuk mendapatkan maklumat utama mengenai keagamaan. Manakala enam (6) informan sesi 2 menyatakan mereka menggunakan YouTube untuk mendapatkan ilmu tambahan/sampingan agama sahaja dan untuk hanya mendengar ceramah-ceramah agama.
- c. Dari segi galakan melayari YouTube bagi sesi 1, hanya seorang informan sahaja yang menyatakan tidak pernah sesiapaupun yang menggalakkan informan melayari YouTube untuk tujuan agama. Manakala 7 informan mendapat galakkan dari keluarga dan adik beradik dan kawan-kawan untuk melayari maklumat keagamaan di dalam YouTube. Manakala sesi 2, rakan-rakan, pensyarah, dan ibu bapa tidak pernah mengesyorkan informan menggunakan YouTube untuk mendapatkan maklumat ajaran islam. Hanya dua (2) informan (latar belakang pendidikan agama) yang mempunyai inisiatif sendiri menggunakan YouTube untuk mendapatkan maklumat ajaran Islam.

- d. Dari segi galakan melayari YouTube bagi sesi 3, enam (6) informan menyatakan rakan-rakan menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi mendalami agama. Seorang (1) dari informan menyatakan pensyarah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi mendalami agama. Hanya seorang (1) informan menyatakan ahli keluarga menggalakkan informan menggunakan YouTube untuk mendalami agama.
- e. Analisis sesi 4 pula mendapati kesemua lapan (8) informan menyatakan rakan-rakan menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan keagamaan. Tiga (3) dari informan menyatakan pensyarah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan keagamaan. Hanya seorang (1) informan menyatakan ibu bapa dan adik beradik menggalakkan informan menggunakan YouTube untuk tujuan keagamaan. Selain itu, tujuh (7) informan yang menyatakan ibu bapa tidak pernah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan keagamaan. Hanya lima (5) informan menyatakan pensyarah tidak pernah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan ini.

Rumusan: Rata-rata informan setiap sesi kecuali sesi 2 menggunakan YouTube untuk tujuan keagamaan dan mendapatkan maklumat keagamaan. Ianya bertepatan dengan saranan Nabi S.A.W Menuntut ilmu adalah menjadi kewajipan kepada setiap orang muslim (Riwayat Ibn Majah).

Informan-informan sesi 2 hanya menggunakan YouTube sebagai sampingan mendapatkan maklumat agama. Dari segi galakan melayari YouTube, hampir kesemua informan setiap sesi kecuali sesi 2 mendapat galakan menggunakan YouTube dari rakan-rakan. Hanya segelintir

informan mendapat galakan menggunakan YouTube dari pensyarah dan ahli keluarga mahupun inisiatif sendiri. Islam sebagai agama nasihat menasihati sepertimana sabda Nabi S.A.W : Agama itu berperanan sebagai nasihat menasihati. (Riwayat al-Bukhari).

Selain itu, hampir kesemua sesi informan 1, 3 dan 4 melayari YouTube berkaitan jenis maklumat hukum-hukum dalam Islam, isu-isu semasa ceramah dan soal jawab agama.

Firman Allah SWT di dalam surah An-Nahl ayat 43 :

“Maka bertanyalah kepada ahlinya (orang-orang yang tahu atau pakar) jika kamu tidak mengetahui (keadaan sesuatu perkara).”

Ada juga segelintir informan yang melayari YouTube berkaitan jenis maklumat zikir, tajwid al-quran, ilmu perbandingan agama, solat, tokoh-tokoh Islam, tanda-tanda kiamat, dan hiburan seperti nasyid. Berbanding informan-informan bagi sesi 2, hanya sedikit informan yang melayari YouTube berkaitan jenis maklumat ceramah, zikir dan solat. Ia amatlah bersesuaian dengan saranan Islam yang menyuruh umatnya belajar dan mencari maklumat berkaitan dengan agama agar segala keraguan dapat dielakkan.

**Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud: Penawar kepada kejahilan adalah dengan bertanya. (Riwayat Ibn Majah)**

Penerangan data kajian boleh dirujuk pada Jadual 1.2

| JADUAL 1.2 SEKSYEN B – MAKLUMAT KEAGAMAAN YANG DILAYARI DALAM YOUTUBE |   |   |   |   |  |
|---|---|---|---|---|--|
| S/I   | S1  | S2  | S3  | S4  | Coding   |
| 1   | <p>a. Kesemua informan menyatakan bahawa mereka pernah melayari YouTube untuk tujuan keagamaan</p> <p>b. Informan menyatakan bahawa tujuan mereka melayari internet untuk mendapatkan maklumat.</p> <p>c. Hanya seorang informan sahaja yang menyatakan tidak pernah sesiapaupun yang menggalakkan dia melayari YouTube untuk tujuan agama. Manakala 7 informan mendapat galakkan dari keluarga dan adik beradik dan kawan-kawan untuk melayari maklumat keagamaan di dalam YouTube.</p> <p><b>Apa maklumat keagamaan yang dilayari dalam YouTube</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hukum mengenai aurat perempuan dengan sepupu, bapa saudara, qasida/nasyid dan ceramah berbentuk umum – I1S1</li> <li>Hukum tentang wanita, ceramah tentang sirah dan harakah, fenomena dunia, nasyid – I2S1</li> <li>Tokoh-tokoh Islam, isu-isu semasa contoh kalimah Allah, nasyid –</li> </ul> | <p>a. Enam (6) informan <b>tidak menjadikan YouTube sebagai medium mendapatkan ilmu islam</b> manakala 2 informan menyatakan bahawa penggunaan medium YouTube dibolehkan setelah mendapat rujukan dari ustaz</p> <p>b. Enam (6) orang informan menyatakan mereka menggunakan YouTube untuk mendapatkan ilmu tambahan agama dan untuk mendengar ceramah-ceramah agama</p> <p>c. Rakan-rakan, pensyarah, dan ibu bapa tidak pernah mengesyorkan informan menggunakan YouTube untuk mendapatkan maklumat ajaran islam. Hanya dua (2) informan yang mempunyai inisiatif sendiri menggunakan YouTube untuk mendapatkan maklumat ajaran Islam.</p> <p><b>Apa maklumat keagamaan yang dilayari dalam YouTube</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dengar ceramah Ustaz Azhar Idrus – I1S2, I2S2</li> <li>Mendengar alunan Ustaz Aman Zuki – I5S2</li> <li>Mendengar ceramah daripada Ustaz Zulkifli Al-Bakri dan Ustaz Abdul Basir – I5S2</li> </ul> | <p>a. Kesemua informan menyatakan bahawa mereka pernah melayari YouTube untuk tujuan keagamaan.</p> <p>b. Informan menyatakan bahawa tujuan mereka melayari YouTube untuk mendapatkan maklumat dan mencari hiburan.</p> <p>c. Enam (6) informan menyatakan rakan-rakan menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi mendalami agama. Seorang (1) dari informan menyatakan pensyarah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi mendalami agama. Hanya seorang (1) informan menyatakan ahli keluarga menggalakkan informan menggunakan YouTube untuk mendalami agama.</p> <p><b>Apa maklumat keagamaan yang dilayari dalam YouTube</b></p> <p>Informan selalu melayari YouTube berkaitan sejarah Islam termasuk kisah-kisah nabi, isu-isu semasa, hukum-hukum dalam Islam, ceramah dan soal jawab agama disamping bahan-bahan mirip berbentuk hiburan seperti nasyid dan kartun berunsurkan Islamik.</p> | <p>a. Kesemua informan menyatakan bahawa mereka pernah melayari YouTube untuk tujuan keagamaan</p> <p>b. Informan menyatakan bahawa tujuan mereka melayari YouTube untuk mendapatkan hiburan, mencari maklumat, mendapatkan motivasi dan juga inspirasi.</p> <p>c. Kesemua (8) informan menyatakan rakan-rakan menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan keagamaan. Tiga (3) dari informan menyatakan pensyarah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan keagamaan. Hanya seorang (1) informan menyatakan ibu bapa dan adik beradik menggalakkan informan menggunakan YouTube untuk tujuan keagamaan.</p> <p>d. Terdapat juga tujuh (7) informan yang menyatakan ibu bapa tidak pernah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan keagamaan. Hanya lima (5) informan menyatakan pensyarah tidak pernah menggalakkan informan menggunakan YouTube bagi tujuan ini.</p> | Maklumat keagamaan yang dilayari dalam YouTube |

|  |   |  |  |   |  |
|--|---|--|--|---|--|
|  | <p>I3S1</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukum-hukum terbaru, ceramah untuk remaja, Ceramah Ustaz Zaharudin, Ustaz AzharIdrus, Ustaz Don Danial – I4S1</li> <li>• Ceramah menutup aurat yang sempurna, tanda-tanda kiamat, sihir, muslimah sejati, hukum memakai minyak wangi – I5S1</li> <li>• Isteri solehah, keutamaan suami dan ibu bapa - I6S1</li> <li>• Hukum memakai Inai lukis, bersanding, memakai inai bagi lelaki – I7S1</li> <li>• Hukum-hukum dalam perkahwinan dan bertunang – I8S1</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat – I7S2</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukum dalam ibadah seperti solat, puasa dll- I1S3</li> <li>• Sejarah tokoh-tokoh Islam- I1S3</li> <li>• Ancaman-ancaman terhadap Islam –I1S3</li> <li>• Kisah pengorbanan nabi dan sirah –I1S3</li> <li>• Permasalahan berkaitan perbandingan agama. – I1S3</li> <li>• Ceramah –I2S3</li> <li>• Taskirah -!2S3</li> <li>• Belajar Hukum Tajwid – I2S3</li> <li>• Hukum dalam Islam-I2S3</li> <li>• Dokumentari tentang Islam-I2S3</li> <li>• Sejarah Islam-I3S3</li> <li>• Feqah dan tatacara mengerjakan Ibadat-I3S3</li> <li>• Isu-isu semasa Islam-I3S3</li> <li>• Gerakan Dakwah – I3S3</li> <li>• Kebesaran Allah –I3S3</li> <li>• Ceramah – I4S3</li> <li>• Zikir dan maksud –I4S3</li> </ul> | <p><b>Apa maklumat keagamaan yang dilayari dalam YouTube:</b></p> <p>Tujuh (7) informan melayari YouTube untuk mendapatkan maklumat agama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tentang fiqh wanita, hukum asas dalam Islam, motivasi tentang memberi kesedaran tentang Islam, nasyid, dan mempelajari tajwid Al-Quran – I1S4</li> <li>• Ceramah, surah nabawiyah, zikir, selawat, dan nasyid – I2S4</li> <li>• Ceramah, motivasi, isu-isu yang berkaitan dalam Islam, nasyid, &amp; cerita islamik – I3S4</li> <li>• Ilmu perbandingan agama (Dr. Zakir Naik &amp; Ahmad Deedat), fardhu ain dan fardhu kifayah, cara membaca Al-Quran (tajwid &amp; tarannum), video persoalan agama,nasyid dan zikir – I5S4</li> <li>• Maklumat tentang motivasi hati, bukti sesuatu hukum dilaksanakan, maklumat yang dapat membantu meningkatkan kecekalan, ceramah ustaz Kazim dan ceramah anak derhaka – I6S4</li> <li>• Zon kuliah (ceramah) isu</li> </ul> |  |
|--|---|--|--|---|--|

|  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  | <p>semasa/ibadah, isu debat antara Islam dan bukan Islam, video pendek yang berkaitan dengan ibadah/isu semasa/sosial (berkaitan dengan Islam), zikir, Al-Quran – I7S4</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Ceramah agama, nasyid, drama islamik, persoalan mengenai percintaan dalam Islam, dan video islamik – I8S4</li></ul> |  |
|--|--|--|--|--|--|

## **Persepi Informan Terhadap Kepercayaan Maklumat Agama Dalam YouTube**

Objektif kajian kedua adalah untuk mengenal pasti persepsi kepercayaan YouTube sebagai sumber maklumat agama. Hasil analisis temubual mendapati bahawa sumber media baharu untuk mencari maklumat agama seperti blog perlu dicari terlebih dahulu, kemudian diikuti pencarian maklumat agama di YouTube. Rujukan sumber maklumat yang bersifat tradisional seperti mencari maklumat agama daripada individu yang boleh dipercayai seperti ustaz atau guru agama, pensyarah dan rakan-rakan.

*R1S1: Pertama kalau saya tengok ceramah saya tengok youtube tu, saya cari kat blog dulu untuk memastikan ia betul yang dia cakap dalam youtube ada sama dengan ustaz lain cakap saya anggap betul la. Aah, tengok kepada ustaz-ustaz juga la.*

*R4S1: Saya pula, saya ni tengok dulu macam dengar-dengar kepada orang kan. Oo, ustaz ni, tanggapan ustaz ni yang saya rasa. Nanti bila kita borak dengan kawan baru kita tahu. Kadang-kadang kita tak tahu ustaz tu sebenarnya lain kan. Kita baru nak tahu bila kita borak dengan kawan. Lepas itu double check dengan kawan, borak-borak selalu kan ataupun kita cakap dengan ustaz tu. Mana-mana ustaz yang kita dah memang tahu apa yang ustaz tu pegang betul. Kalau ustaz tu suggestkan nama-nama ustaz lain, kita cakap ustaz ni okay tak ustaz. Lepas itu mungkin beritahu dengan ustaz-ustaz yang saya percaya.*

*R5S1: Kalau saya lepas tengok youtube tu saya akan tanya kawan lah yang lebih tahu pasal pengetahuan agama ni. Macam benda tu betul ke tak.*

*R6S1: Lepas itu kalau dari segi ilmu feqah semua tu, kalau dari segi bahagian ilmu-ilmu macam pendidikan islam yang saya belajar, kalau dalam kelas kan ada sesi soal jawab kan, kita kongsi balik lah dengan lecturer nak pastikan kebenaran ke setakat mana.*

*R7S1: Saya cari satu benda tu, maknanya saya dah percaya yakin dengan ustaz tu baru saya akan cari link dia. Saya buka link tu mesti saya percaya dengan ustaz tu dan bila nak percaya sebab bukan mudah nak percaya. Maksudnya bila kita percaya kepada ustaz tu, sebab ia melibatkan hukum yang kita bawak sampai bila-bila, jadi maksudnya memang kena terbuhtilah kredibiliti yang bercakap tu yang sebenarnya kita semua ni ada bidang-bidang kita. Senangkata kalau nak lebih yakin, merujuk kepada ikut kepakaran bidang dia lah. Itu lebih tepat.*

*R8S1: Kalau saya pula, contoh macam kita nak cari dalam satu benda contoh hukum, kita sendiri dah tahu apa yang kita buat sekarang ni, kita nak tengok, benda tu betul ke tak apa kita buat. Kalau tak kepastian ke semua tu lah selalu betul dia sama dengan kita,*

- benda tu betul la. Selain daripada tu, benda-benda yang kita tak pasti, kita boleh tanya selalunya akan tanya sahabat-sahabat ataupun ustaz-ustaz yang saya pernah kenal lah, yang memang kita tahu dari segi rujukan yang kita perlu percaya kan.*
- R4S2: Urm ya bagi saya kalau ada sebarang saya was-was tetapi rujukan utama saya bukan youtube tapi buku dan ustaz..cuma kalau nak mudah saya rujuk youtube..bila ada sesuatu tak faham saya rujuk youtube.*
- R7S2: Kalau segi rujukan cari ilmu agama di youtube apa semua saya jadikan secondary bukan primary..sebab rujukan utama saya adalah ustaz sebab lebih mudah..dah dapat kefahaman dari segi pemasalahan solat tu macam mana..tu lebih gemar dengan ustaz sebab face to face..kalau penambahan lebih mudah untuk guna youtube..*
- R8S2: Kita kena belajar kepada asas la kena berguru..kalau kita lihat pada analogi youtube umpamanya just sekadar ilmu tambahan..tapi kita tidak lihat ilmu tu macam bila tengok youtube tu bab akidah, feqah,kita tak boleh ambil direct..kita perlu belajar yang asas dulu.*
- R6S2: Bagi saya pertama sekali saya akan rujuk pada ustaz dan kemudian daripada youtube tu adalah penambahbaikan..sekiranya kalau nak buat penambahbaikan dekat youtube kalau benda tu betul, betul lah kalau salah kita dapat betulkan apa yang salah tu..*
- R2S2 Kemudian fungsi youtube macam saya sendiri saya nak belajar saya lebih suka ustaz..sejak akhir ni saya lebih minat Ustaz Azhar..saya rajin tengok youtube ni sebab Ustaz Azhar..sebab saya tak pernah jumpa depan-depan jadi dengan youtube la saya nak tengok..di samping saya nak tahu benda tu saya nak tahu dalam masa yang cepat contoh masa malam tak sempat nak jumpa ustaz ke saya search internet lah..tapi saya cari orang yang betul la..jadi kalau kita tak tau jangan terus buka youtube sebab tidak semua orang dalam youtube tu dapat sampaikan dengan betul.*
- R2S4: Kalau macam saya lah, maklumat mengenai Islam lebih kepada saya tengok, saya akan bawa video tu tanya ustaz hukum tu betul atau tidak..kita boleh nak belajar dari youtube tapi kena berguru..maksudnya maklumat daripada youtube tu dah betul dah tapi perlu double check untuk orang berilmu...So maksudnya percaya dan yakin dengan kaji dulu.*
- R1S4: Sebenarnya saya kena tengok dulu ustaz tu punya latar belakang macam mana, kemudian tanya balik orang macam mana..kena tahu kesahihan maklumat berkenaan lah*
- R3S4: Pada pendapat saya, tidak boleh percaya 100%..macam orang cakap kita nak percaya tu perlu berguru kan..Maksudnya perlu merujuk pada guru dulu untuk mengukuhkan lagi pandangan dalam ilmu tu lah dan bergantung pada kepercayaan kita..*
- R8S4: Maklumat daripada youtube ni, saya kalau yakin saya percaya dan kalau pernah dengar dan tak yakin dan saya akan tanya pada yang arif lah...*

Selain itu, kredibiliti penceramah membentuk kepercayaan sumber maklumat agama dalam YouTube. Latar belakang penceramah menjadikan sumber kepercayaan dalam pencarian maklumat agama YouTube. Sekiranya isu agama yang dipaparkan dalam YouTube berbeza dari segi pendapat maka ada pendapat lain boleh dilihat dalam YouTube lain.

*R2S1: Siapa orang yang memberikan ceramah tu, lebih kepada kredibiliti penceramah tu sendiri lah. Kalau melihat kepada buku, bukan hanya sumber satu tapi kepada banyak lah dan itu adalah salah satu sumber dan youtube bukanlah sumber utama. Kalau saya rasa benda-benda khilaf ni kita nak dapatkan pendapat daripada ustaz, ni cakap macam mana. Maksudnya di situ kan banyak link kita boleh tengok pendapat ustaz yang pelbagai lah. Point saya tu saya merujuk kepada kredibiliti penceramah tu, saya kenal background dia macam mana dan kalau saya perlu percaya saya akan tu lah.*

*R3S1: Okay, nak kata percaya 100% tidak tapi tengok kepada siapa yang memberi penjelasan juga, latar belakang dia kemudian isu apa. Kalau apa yang kita faham lari betul kita tengok pendapat-pendapat lain. Kalau pendapat orang lain tu mereka hanya boleh terima, kita boleh terbuka untuk menerimanya. InsyaAllah.*

*R2S3: Sebab kita semua dah biasa dengan media youtube. ya media youtube ni, kita biasa melayari lah, lepas tu kita nak percaya bahan tu, kalau boleh kita kaji dulu lah benda tu betul ke tidak..mungkin kita boleh lihat dulu baru kaji lah ye..lihat lepas tu kita kaji benda tu..benda tu kita boleh tanya macam tadi kita kena balik pada tok guru lah untuk benda ni kita boleh tanya tok guru..untuk terima atau tolak ni selepas kita kaji benda tu dalam youtube..samaada sebab kita dah merujuk kepada tok guru, kalau benda tu boleh kita terima, kita boleh ikut lah benda tu. kalau tak boleh kita kena tolak lah..*

*R1S3: Satu kita boleh sumber tu boleh buat penyelidikan sebelum nak siarkan dekat program tu kan..contohnya youtube sekarang kita ada deen show yang ditayangkan di tv Al-hijrah..sebenarnya dia dari youtube, program deen show tu dia talk mengenai Islam dan setiap kali talk dia akan bawa isu-isu Islam lah.. Program tu kredibilitinya kita boleh nampak sebab dia dari segi penceramah dia, dari segi isu yang dibawa..kesimpulannya kita kena tengok dulu video yang kita tengok di youtube tu content dia tu lah..kredibiliti tu lah..sumber dia tu..*

*R6S3: Bagi saya, saya juga pernah melayari lah youtube..dari segi sumber tu sahih tak sahih, macam saya cakap tadi lah selagi ustaz dalam youtube tu pa ni, ada mufti dan sebagainya, kita boleh dengar lah sedikit sebanyak..*

*R5S4: Kita lihat apa bidang tu..ilmu agama tu sendiri kita perlu re-check balik..contohnya video Ahmad Didan, Dr Zulkarnain, benda tu kita tahu diorang punya kredibiliti macam mana, ilmu tu macam mana jadi kita yakin..tapi kalau kita rasa apa yang dibicarakan itu kita kurang yakin, kita perlu rujuk pada sumber utama iaitu al-quran dan sunnah..kita*

*perlu re-check balik betul tak dalam ayat ni ada tak kesamaan..Jadi kebolehpercayaan di youtube tu perlu dirujuk pada sumber yang sahih lah...*

*R6S4: Sama juga macam yang lain kita kena buat double check kredibiliti..kalau macam saya suka dengar dulu cerita tu baru cari dekat youtube..macam tu la..tapi kalau nak kata percaya, terima atau tolak, itu bergantung pada diri..kita rasa benda tu betul, mungkin kita boleh terima..*

Prinsip ilmu agama dalam diri individu perlu ada terlebih dahulu sebelum mencari maklumat dalam Internet dan YouTube. Asas ilmu agama perlu diketahui sebelum melayari maklumat agama melalui YouTube.

*R3S2: Kita kena ada ilmu dulu...prinsip ilmu agama tu perlu ada dulu sebelum cari di internet..internet ni terdedah dengan macam-macam info yang mungkin salah.. ilmu usul fiqh dan benda asas perlu ada dulu sebelum rujuk internet..internet tu tak semua betul..dah la ilmu basic cari internet, internet pula bagi info yang salah, kita ni salah cari pula dekat internet..jadi kalau mungkin ustaz kita dah faham dia punya akidah dia bersih, feqah dia bersih macam Ustaz Azhar Idrus ke atau Dr. Maza dan semua tu yang popular kat youtube tu kita boleh rujuk lah..tapi sebelum tu kena ada asas ilmu agama jangan pandai-pandai cari asas dekat internet.*

*R1S3: Tengok pengetahuan, kita kena ada pengetahuan kita sendiri kan..dari pengetahuan tu lah kita menilai balik apa yang disampaikan..berhubungkait dengan pengetahuan kita dan orang lain.*

Ada segelintir informan menggunakan penggunaan YouTube untuk menambah ilmu agama dan penyucian jiwa.

*R1S2: Tentang menggunakan youtube bagi saya tidak..sebab bagi saya kalau saya nak cari bab agama saya tidak suka tengok youtube..sebab nak sahihkan benda tu atau was-was saya lebih suka cari alternatif lain lah..saya cari dari sumber yang boleh dipercayai..dan youtube ni saya gunakan untuk menambah ilmu jelah..contohnya Ustaz Azhar dan lain-lain..dan saya surf melalui laptop..*

*R5S2: Untuk di youtube ni saya hanya menggunakan untuk menyucikan jiwa..misalnya antara ustaz yang saya gemar urmm Ustaz Aman Zuki..tu lebih kepada muhasabah diri..untuk ustaz dari segi ilmiah sikit saya akan search Ustaz Zulkifli Al-bakri dan Ustaz Abdul Basir tak silap saya...tu antaranya lah yang saya suka sebab dari segi ilmu antara Ustaz Zulkifli Al-bakri memang sangat tinggi ilmunya kadang-kadang kita pun susah nak sampai..tapi apabila tak sampai kita akan tanya ustaz..apa-apa tanya kepada ustaz..cuma pada saya youtube ni lebih kepada penyucian jiwa saya lah..sebab kadang-kadang kalau*

*nak dengar kuliah agama tak selalu ada..kalau kat surau DPP je memang tak ada pun..dari segi youtube lah antara sumber tu jelah..ok itu je dari saya..*

Selain itu, kepercayaan kandungan agama dalam YouTube merujuk kepada sumber individu yang berpengetahuan dalam agama dan cara penyampaian mesej agama.

*R6S3: Percaya pada orang tu sendiri lah. kalau tak percaya itu mungkin disebabkan oleh cara penyampaian dia, dia bagi tapi tak sampai..tengok kepada ustaz lah..*

*R5S3: Search jugak..ustaz ni dia ni kerja apa, dia ni dulu belajar kat mana..kita boleh search benda tu ataupun kita boleh tanya kat orang lain..kenal tak ustaz ni? ustaz ni macam mana ye? dia ni ada keluar apa-apa yang salah tak sebelum ni? keluar-keluar apa ni, fatwa-fatwa ke?..benda tu kita boleh tanya dan kadang-kadang kita ada sedikit pengetahuan.."rasanya dulu ustaz aku ajar macam ni tapi kenapa ustaz ni kata macam ni?"..jadi kita boleh rujuk pulak ustaz lain..betul tak apa ustaz ni cuba sampaikan.. terima atau tolak jadi kita dah tengok satu-satu tadi..daripada ustaz ni ustaz ni, kita cuba banding kan dan kita cari yang paling ramai lah mengatakan sesuatu isu tu..paling ramai sokong benda tu..*

*R7S3: Kita tak boleh percaya satu sumber saja, kita dok harap satu ustaz ni saja, kita dok taksab satu ustaz ni saja, tengok dia punya kuliah saja, tapi mungkin pada satu masa, at one point, ustaz tu ada mungkin tersalah cakap ke, mungkin salah keluar fatwa ke..seperti saudara nombor 5 cakap tadi..kita kena buat rujukan dengan ustaz lain..ustaz ni cakap apa, ustaz ni cakap apa..and then kita tengok mana yang menunjukkan ramai lagi yang menyokong dia punya fatwa,dia punya kata-kata, fatwa dia..kalau yang tu okay, kalau ramai sokong, kita akan ambik yang itu..kalau dalam bab guna menerima tu, bergantung pada kredibiliti ustaz itu sendirilah. Kalau dia memang betul-betul bertauliah, mungkin saya akan terima video dia dekat youtube..itu sahaja..*

*R3S3: Macam situasi di negara kita, ustaz-ustaz yang terkenal, kita tengok selalu muncul dalam TV Al Hijrah, yang menjadi ikon, yang menjadi orang cakap apa, memang selalu lah macam bila keluar tu bila dia sampaikan tidak menjadi sebarang isu, atau cakap samaada apa yang diperkatakan itu bercanggah ataupun tidak dengan islam itu sendiri..tiada masalah yang tu, kita boleh terima benda tu..so kalau sebabkan kita medium youtube kita ni, sekarang ni internet tanpa batasan,tiada sempadan. Bila berlakunya percanggahan ataupun kita dengar pelik, perbincangan pun luas..kita pun dapat tengok yang mana betul dan kita dapat menilai sendiri yang mana betul ataupun salah.*

*R4S3: Bagi saya pernah mendalami youtube untuk mendalami pasal ilmu agama ni..percaya atau tak tu seperti sama macam sahabat lain melihat pada ustaz tu, sumber dia tapi beza sikit dengan sahabat ana tu, eh (gelak), sahabat saya tu.*

Maklumat agama dalam YouTube berbalik kepada prinsip 'jumhur ulama' yakni mengikut perkara atau perbuatan yang betul.

*R4S3: Kena tengok pada jumhur ulama' lah...sebab ada Rasulullah kata kita tak semestinya kena ikut benda hok orang ramai ikut..*

*R4S3: Kita kena ikut benda yang betul, sebab ada setengah orang tu dia ikut based on instinct dia, based on nafsu dia contoh mudah, pasal merokok ke apa..ada setengah ulama' kata halal, ada setengah kata makruh..setengah harus..mesti ramai perokok ni ikut yang harus..jadi kalau kita tengok hok ramai merokok tu harus..macam tu lah tapi kita kena ikut yang betul lah..sebab ustaz pun ada kata jumhur ulaama mengishtiharkan..jadi kita kena ikut yang mempunyai ilmu dan authoriiti lah.tak semestinya ikut yang ramai orang.*

Kajian mengenai maklumat agama dalam YouTube perlu didalami sebelum mempercayai kandungan maklumat tersebut.

*R4S4: Kita tahu bila nak dapat ilmu tu, kita perlu kaji dulu walaupun kadang-kadang dia ada percanggahan..kita tahu ilmu tu banyak sumber, kalau dapat satu sumber je tak semestinya betul, jadi perlu cari sumber lain lah...macam kat youtube tu tak boleh kita sekali tengok kat youtube tu kemudian sebar pada orang lain, tengok-tengok ia ajaran sesat..jadi kita perlu kaji dulu.*

*R7S4: Saya pegang pada kata-kata ni, kita jangan pandang siapa yang bercakap tapi kita pandang apa yang dicakap..kita tengok contoh video youtube, kalau dia cakap tak bercanggah dari Islam, kita boleh jadikan panduan..kalau benda tu tak yakin, kita research lain.*

#### **4. Kesimpulan**

Kajian ini merupakan kajian mengenai penggunaan YouTube yang berorientasikan maklumat keagamaan dalam kalangan generasi muda Islam. Secara umumnya, generasi muda Islam melayari YouTube maklumat keagamaan berbentuk pendidikan seperti ceramah agama seperti hukum aurat, ibadah, motivasi, zikir Islam, sirah dan lain-lain lagi. Malahan, ada segelintir informan yang melayari YouTube maklumat keagamaan berbentuk hiburan seperti nasyid dan kartun.

Dari segi kepercayaan YouTube sebagai sumber maklumat agama, rata-rata informan bagi setiap sesi bertanggung bahawa rujukan utama ustaz atau guru agama yang bertauliah dan berlatar belakang pendidikan agama dan kredibiliti penceramah dalam menyampaikan ceramah agama adalah asas penting bagi memastikan kesahihan maklumat agama di YouTube. Kandungan maklumat agama dalam YouTube perlu didalami dengan membuat kajian atau penyelidikan sebelum individu menerima maklumat tersebut. Asas pengetahuan agama perlu dimiliki oleh setiap individu yang melayari maklumat agama YouTube untuk menilai semula kandungan tersebut dari segi kebenarannya.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini adalah sebahagian daripada Geran RAGS (*Research Acculturation Grant*) yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (Kod S/O: 12854).

## **BIODATA**

**Norizah Aripin** (PhD) merupakan pensyarah kanan (program Teknologi Media), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, *College of Arts and Sciences*, Universiti Utara Malaysia. Email: [noryzah@uum.edu.my](mailto:noryzah@uum.edu.my).

**Awan Ismail** (PhD) merupakan pensyarah kanan (program Teknologi Media), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, *College of Arts and Sciences*, Universiti Utara Malaysia.

**Mohd Sobhi Ishak** (PhD) merupakan pensyarah kanan (program Teknologi Media), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, *College of Arts and Sciences*, Universiti Utara Malaysia.

**Nik Adzrieman Abdul Rahman** (PhD) merupakan pensyarah kanan (program Komunikasi), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, *College of Arts and Sciences*, Universiti Utara Malaysia.

**Mohd Nizho Abdul Rahman** (PhD) merupakan pensyarah kanan (bidang Al-Quran dan Hadith), Pusat Pengajian Umum, *College of Arts and Sciences*, Universiti Utara Malaysia.

**Mot Madon** merupakan pensyarah (program Teknologi Media), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, *College of Arts and Sciences*, Universiti Utara Malaysia.

**Mohd Faisal Mustaffa** merupakan pelajar Doktor Falsafah (Pengurusan Media) dari Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, *College of Arts and Sciences*, Universiti Utara Malaysia.

## RUJUKAN

- AmanzTV (3 Oktober 2012). Google: Pengguna Internet harian di Malaysia berjumlah 4.5 juta orang. Diakses pada 1 Julai 2013 daripada <http://amanz.my/2012/10/google-pengguna-internet-harian-di-malaysia-berjumlah-4-5-juta-orang/>.
- Azmah Binti Ab Wahab & Samsudin A. Rahim. (2013). Kredibiliti media dan penyertaan dalam persekitaran pendemokrasian maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 29 (1), pp. 141-160. Diakses pada 30 April 2016 daripada [http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf\\_files/2013/V29\\_1\\_141-160.pdf](http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2013/V29_1_141-160.pdf)
- Baharin Mesir, Aminatuzuhanariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman & Norsamsiah Muhammad@Wahab. (2008). Kajian pelaksanaan program-program kerohanian untuk mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia. Diakses pada 10 Mac 2013 daripada <http://www.scribd.com/doc/71668289/Kajian-Perlaksanaan-Program-Program-Kerohanian-untuk-Mahasiswa-di-Universiti-Teknologi-Malaysia#scribd>.
- Datuk Hassan Din Al-Hafiz. (18 Mei 2010). Punca masalah sosial di Malaysia. *Berita Semasa*. Diakses pada 5 Mac 2013 daripada <http://www.beritasemasa.com/punca-masalah-sosial-di-malaysia>.
- Flick, U. (2002). *An introduction to qualitative research* (2<sup>nd</sup> ed.). London: Sage Publications.
- Ghazali Darulsalam. (2005). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif dan kuantitatif. *Jurnal Pendidikan: Maktab Perguruan Islam*, 58-79 (ISI/SCOPUS Cited Publication).
- Hassan Abu Bakar. (2008). Komunikasi kepenyeliaan sebagai penentu kepada jalinan hubungan ketua-subordinat dan komitmen terhadap kumpulan kerja: Pendekatan kelompok fokus. Dalam Che Su Mustaffa, Hassan Abu Bakar & Bahtiar Mohamad (Eds.), *Isu-isu komunikasi di Malaysia: Aplikasi penelitian empiri* (hlm. 319-348). Petaling Jaya: Prentice-Hall.
- Iovino, P. (2011). An estimation of the Technology Acceptance Model and usage intensity on online social networks: The Luiss Students Case. Diakses pada 1 Julai 2013 daripada <http://tesi.eprints.luiss.it/6080/1/iovino-tesi-2011.pdf>.
- Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad Bin Yazid, (2004) *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar Fikr.

- Ismail Bin Umar Bin Kathir (2013) *Tafsir al-Quran al-Azim*. J.6. Riyad : Dar al-Taiyyibah Li al-Nasr Wa Al-Tauzi’.
- Meriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Meyerson, M. (2010). *Success secrets of the social media marketing superstars*. USA: Entrepreneur Media Inc.
- Muhammad Nasiruddin Albani (2012), *Sahih Sunan Abu Daud (Terjemahan)*. Pustaka Azam : Jakarta.
- Muhammad Shalih Al-Utsaimin, (2012). *Syarah Sahih Al- Bukhari*. Darussunnah Press : Jakarta.
- Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa. (2012). Blogosphere: how youth perceived blogs credibility. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* , 28 (1). pp. 33-54. Diakses pada 30 April 2016 daripada [http://journalarticle.ukm.my/5340/1/V28\\_1\\_33-54.pdf](http://journalarticle.ukm.my/5340/1/V28_1_33-54.pdf)
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan sains sosial* (Edisi Kemas Kini). Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sinar Online. (29 Disember 2015). ‘Ustaz YouTube’ dipantau dengan kerjasama jabatan agama. Diakses pada 29 April 2016 daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/ustaz-youtube-dipantau-dengan-kerjasama-jabatan-agama-1.466776>
- Siti Rokiah Abdul Rahman & Fadzli Adam. (2015a). Kredibiliti YouTube sebagai medium pembelajaran agama dalam peradaban Islam kontemporari. Diakses pada 13 Februari 2016 daripada [https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69\\_-\\_Siti\\_Rokiah\\_Ab\\_Rahman.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69_-_Siti_Rokiah_Ab_Rahman.pdf)
- Syed Muhammad Dawilah, A.I & Mohd Lutfi, S. (2009). Peranan ICT dalam penyebaran dakwah dalam era Globalisasi. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah di IPT dan Komuniti, Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM, 2-3 Disember 2009. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. (1997), Darul Fikir: Kuala Lumpur.
- Umar Halim & Samsudin A. Rahim. (2011). Penglibatan digital: Akses dan penggunaan e-agama dalam kalangan generasi muda Muslim. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 27 (2). pp. 121-135. Diakses pada 30 April 2016 daripada [http://journalarticle.ukm.my/3254/1/V27\\_2\\_7.pdf](http://journalarticle.ukm.my/3254/1/V27_2_7.pdf).